



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 11 DISEMBER 2021**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|-----|---|---|
| 1. | 7000 TAN AYAM SEJUK BEKU DARI CHINA, THAILAND TIBA TIDAK LAMA LAGI, NASIONAL, BH-4 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) |
| 2. | HALANG WARGA ASING JADI TAUKE, LOKAL, HM-8 | |
| 3. | DAH TERLAMBAT, LOKAL, HM-1,24 | |
| 4. | KPDNHEP JANGKA HARGA AYAM, SAYUR KEMBALI STABIL, KOSMO-ONLINE | |
| 5. | HARGA BARANG DIJANGKA STABIL FEBRUARI DEPAN, BH-ONLINE | |
| 6. | HARGA AYAM, SAYUR KEMBALI STABIL JANUARI ATAU FEBRUARI DEPAN – ROSOL WAHID, UM-ONLINE | |
| 7. | 13 WARGA ASING TUKAR BENDANG JADI KEBUN DITAHAN, HM-ONLINE | |
| 8. | 2 BULAN LAGI HARGA BARANG KEMBALI STABIL – ROSOL, MALAYSIAN POST-ONLINE | |
| 9. | HARGA BARANG DIJANGKA STABIL ANTARA JANUARI, FEBRUARI, SH-ONLINE | |
| 10. | NEGARA RUGI RM4 BILION SETAHUN HASIL LAUT DIROMPAK, NASIONAL-SH-24,25 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 11. | PINDAH LEMBU : PEMANDU LORI DIDENDA RM2,000, UM-ONLINE | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 12. | 54 TAN AYAM SEJUK BEKU DARI THAILAND DI RAMPAS, SH- ONLINE | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 13. | SABAH IS AMONG THE MAIN EXPORTERS OF FRESH FISH PRODUCE, NATION, DAILY EXPRESS(KK)-3 | LAIN-LAIN |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| | | | |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline | 7,000 tan ayam sejuk beku dari China, Thailand tiba tak lama lagi | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 11 Dec 2021 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 82,252 |
| Page No | 4 | Readership | 246,756 |
| Language | Malay | ArticleSize | 439 cm ² |
| Journalist | Amir Mamat | AdValue | RM 14,536 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 43,608 |



7,000 tan ayam sejuk beku dari China, Thailand tiba tak lama lagi

Langkah atasi kekurangan bekalan, stabilkan harga

Oleh Amir Mamat
bhnews@bh.com.my

Jasin: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata langkah kerajaan itu dijangka mampu mengatasi kekurangan bekalan ayam, sekali gus menstabilkan harga yang pada ketika ini melonjak dan membelakau pengguna.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata langkah kerajaan itu dijangka mampu mengatasi kekurangan bekalan ayam, sekali gus menstabilkan harga yang pada ketika ini melonjak dan membelakau pengguna.

"Kita sudah menempal ayam sejuk beku hulu 7,000 tan untuk kegunaan sepanjang Disember ini dan jangka bahan mentah itu



Ahmad (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan Bencana Pertanian sempena Program MAFI Pribatin peringkat Parlimen Jasin di Kampung Tehel, semalam. (Foto BERKAMPAI)

tiba dalam tempoh beberapa hari lagi," katanya selepas menyampaikan sumbangan Bencana Pertanian sempena Program MAFI

Pribatin peringkat Parlimen Jasin di Kampung Tehel di sini, semalam.

Ahmad mengakui ada pembo-

rong dan pembekal merayu supaya kerajaan tidak membawa masuk ayam dari luar negara serta berjajui akan menurunkan harga.

"Namun, sudah terlambat kerana ketika harga ayam naik sebelum ini, mereka tidak mahu menurunkan harga.

"Selepas kita (kerajaan) membuat keputusan mengimport ayam, mereka boleh jauli turunkan harga," katanya.

Ketika merasmikan Dari Dapur Peladangnya anjuran Pertubuhan Peladang Negeri di Sungai Rambai di sini, beliau yang juga Ahli Parlimen Jasin, berkata pengguna, khususnya umat Islam di negara ini tidak perlu bimbang tahap kebersihan serta status halal ayam import.

Katanya, MAFI menerusi Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) mengesahkan semua laji memproses ayam di Thailand dan China masih sah dan diiktiraf Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), malah pihak berkuasa Islam di sana juga sedia membantu menentukan status halal ayam diproses sebelum dihantar ke Malaysia.

"Justeru, pengguna tidak perlu

bingung dengan keadaan itu kerana kerajaan memberi jaminan bahawa status halal ayam import itu sentiasa dijaga," katanya.

Rabu lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dilaporkan berkata, kerajaan akan membawa masuk antara 200 hingga 300 kontena ayam sejuk beku dari luar negara bagi memberi pilihan harga lebih murah berbanding ayam segar dari dalam.

Kepertluan ayam dalam negara sebanyak 3,752 tan bersamaan 2.09 juta ekor sehari atau 113,220 tan atau 62.9 juta ekor sebelum.

Susunan itu, kumpulan penjual dan pembekal ayam di Johor sebelum ini meminta supaya kerajaan tidak membawa masuk ayam import, selain menetapkan harga siling di pihak mereka sebanyak RM8.30 sekilogram berbanding RM8 bagi mengelak kerugian.

Mereka mendakwa, keputusan membawa masuk ayam dari luar berisiko 'melenyapkan' pusat penyembelihan ayam kecil-kecilan terutama yang dimiliki Bumiputera kerana mereka tidak mampu bersaing dengan tawaran harga ayam import.

| | | | |
|------------|---------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Halang warga asing jadi `tauke` | | |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 11 Dec 2021 | Color | Full Color |
| Section | Setempat | Circulation | 112,705 |
| Page No | 8 | Readership | 338,115 |
| Language | Malay | ArticleSize | 119 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,688 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 14,064 |



Halang warga asing jadi `tauke`

Kuala Lumpur: Satu garis panduan akan dikeluarkan kepada petani bagi memastikan tiada warga asing yang memonopoli industri padi dan beras negara pada masa akan datang.

Ketua Pengarah Pengawalan Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) Azman Mahmood berkata, keutamaan kini ialah bagaimana untuk memastikan pesawah tempatan mendapat manfaat daripada skim yang disediakan kerajaan sekali gus melonjak aktiviti pertanian sawah.

Katanya, garis panduan yang akan diputuskan nanti tidak akan membenarkan warga asing menjadi `tauke` di sawah dan hanya terhad sebagai pekerja kepada warga tempatan.

“Skim Sawah Berskala Besar (Smart SBB) yang dilancarkan kerajaan adalah antara usaha bagi memastikan tiada pembabitan warga asing secara menyeluruh dalam industri padi dan beras negara.

“Ia antara lain menjadi inisiatif bagi membendung penguasaan warga asing di dalam industri itu sehingga menjejaskan peluang pesawah tempatan,” katanya.

Kata beliau, pihaknya tidak akan membenarkan warga asing memonopoli industri padi dan beras di negara ini yang berkeluasan keseluruhan 700,000 hektar.


Azman berkata, ketika ini perbincangan bersama agensi berkaitan sedang berjalan dan semuanya menjurus kepada mengekang penguasaan warga asing seperti dilaporkan sebelum ini.

“Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) yang mengadakan operasi bersepadu di sekitar Kuala Selangor dan Sabak Bernam susulan pendedahan Harian Metro.

“Saya yakin dengan usaha berterusan, kita dapat memastikan industri ini kekal menjadi hak orang tempatan dan memberi manfaat kepada pemilik seperti yang sepatutnya,” katanya.

Headline DAH TERLAMBAT!
MediaTitle Harian Metro
Date 11 Dec 2021
Section Setempat
Page No 1,24
Language Malay
Journalist Oleh Amir Mamat
Frequency Daily

Color Full Color
Circulation 112,705
Readership 338,115
ArticleSize 436 cm²
AdValue RM 17,176
PR Value RM 51,527



| | | | |
|------------|-----------------|-------------|---------------------|
| Headline | DAH TERLAMBAT! | Color | Full Color |
| MediaTitle | Harian Metro | Circulation | 112,705 |
| Date | 11 Dec 2021 | Readership | 338,115 |
| Section | Setempat | ArticleSize | 436 cm ² |
| Page No | 1,24 | AdValue | RM 17,176 |
| Language | Malay | PR Value | RM 51,527 |
| Journalist | Oleh Amir Mamat | | |
| Frequency | Daily | | |

ISU AYAM IMPORT

DAH TERLAMBAT!

Oleh Amir Mamat
am@hmetro.com.my

Jasin

Rayuan pemborong dan pembekal ayam supaya kerajaan tidak membawa masuk ayam import ke negara ini disifatkan 'aneh' dan sudah terlambat.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, ia kerana kerajaan menerusi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) sudah pun menempah 7,000 tan ayam bulat sejuk beku dari China dan Thailand untuk memastikan harga bahan mentah itu stabil dan tidak membebankan pengguna.

Justeru, katanya, langkah kerajaan itu dijangka mampu mengatasi kekurangan bekalan ayam, sekali gus dapat menstabilkan harga yang ketika ini melonjak dan membebankan pengguna.

"Kita sudah menempah ayam sejuk beku bulat sebanyak 7,000 tan metrik untuk kegunaan sepanjang Disember dan kita jangka bahan mentah itu akan tiba dalam tempoh beberapa hari lagi.

"Ada pemborong dan pembekal rayu supaya jangan import ayam dari luar negara serta berjanji akan menurunkan harga, tetapi



AHMAD (tiga dari kanan) melihat hasil masakan peserta Dari Dapur Peladangnya di Sungai Rambai, Melaka. - Gambar NSTP/SYAFIEQ AHMAD

sudah terlambat kerana pada ketika harga ayam sedang naik sebelum ini, mereka tidak mahu menurunkan harga, namun selepas kita (kerajaan) membuat keputusan untuk mengimport ayam, mereka boleh pula turunkan harga," katanya.

Beliau ditemui selepas menyampaikan sumbangan Bencana Pertanian sempena Program Mafi Prihatin peringkat Parlimen Jasin di Kampung Tehel di sini, semalam.

Turut hadir, Exco Luar Bandar, Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Da-

tuk Abdul Razak Abdul Rahman.

Sementara itu, ketika merasmikan Dari Dapur Peladangnya anjuran Pertubuhan Peladang Negeri di Sungai Rambai di sini, Ahmad yang juga Ahli Parlimen Jasin berkata, pengguna, khususnya umat Islam di negara ini tidak perlu bimbang dengan tahap kebersihan serta status halal terhadap ayam yang diimport.

Katanya, Mafi menerusi Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) sudah pun mengesahkan semua loji memproses ayam di Thailand dan

China bagi mengeksporthan bahan mentah itu ke Malaysia adalah masih sah dan diiktiraf Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

"Malah, pihak berkuasa agama Islam di kedua-dua negara berkenaan juga sedia membantu Malaysia dalam menentukan status halal ayam yang diproses di sana sebelum dihantar ke Malaysia.

"Justeru, pengguna tidak perlu bimbang dengan keadaan itu kerana kerajaan memberi jaminan bahawa status halal ayam import itu sentiasa dijaga," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|-------|---------|------------|
| 11/12/2021 | KOSMO | ONLINE | |

KPDNHEP JANGKA HARGA AYAM, SAYUR KEMBALI STABIL

Oleh ISWAN SHAFIQ ISA

11 Disember 2021, 11:26 am



SEBERANG PERAI – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menjangkakan harga barangan keperluan harian termasuk ayam dan sayur-sayuran akan kembali stabil dalam tempoh satu atau dua bulan lagi.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid berkata, ketika ini, trend harga terkini untuk barangan tersebut khususnya semakin menunjukkan tanda-tanda penurunan.

Katanya, antara faktor yang menjurus kepada penurunan harga itu termasuk cuaca di tempat pengeluaran sayur yang kembali pulih serta langkah yang diambil untuk kerajaan menerusi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk mengimport bekalan ayam dari luar negara.

Pada masa yang sama, ujar Rosol, Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) yang dilancarkan sejak 2 Disember lalu sebagai kaedah penyelesaian jangka pendek terhadap isu kenaikan harga barangan akan tetap diteruskan sehingga Mac tahun depan walaupun harga barangan sudah kembali stabil.

“Perancangan kita (pelaksanaan PJKM) ialah sehingga Mac tahun depan dan kalau ia (kenaikan harga barang) berterusan juga kerana kita akan menyambut hari raya pula (awal Mei), kita akan kembali pantau keadaan ini dari semasa ke semasa.

“Apa yang penting adalah rakyat tidak terkesan (dengan kenaikan harga barangan semasa),” katanya semasa sesi ‘walkabout’ PJKM di Masjid Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Bandar Perda, Bukit Mertajam di sini hari ini. – K! ONLINE.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|---------------|---------|------------|
| 11/12/2021 | BERITA HARIAN | ONLINE | |

HARGA BARANG DIJANGKA STABIL FEBRUARI DEPAN



BUKIT MERTAJAM: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menjangkakan harga barangan keperluan termasuk sayur dan ayam akan kembali stabil antara Januari atau Februari tahun hadapan.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid, berkata ia berikutan harga barangan khususnya sayur dan ayam kini mula menunjukkan penurunan.

"Faktor dan sebab penurunan harga ini mungkin berkaitan dengan pelaksanaan Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) yang sedang kita laksanakan atau cuaca di tempat pengeluaran sayur sudah kembali pulih.

"Penurunan harga ayam pula disebabkan usaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) yang mengimport bekalan ayam ke negara ini," katanya di sini, hari ini.

Terdahulu, beliau membuat tinjauan di tapak PJKM di perkarangan Masjid Daerah Seberang Perai Tengah, Bandar Perda, di sini, hari ini.

Beliau berkata, walaupun harga dilihat mula turun, terdapat 2,226 pegawai penguatkuasa dan hampir 1,000 pegawai pemantau harga KPDNHEP akan terus melakukan pemantauan dan pemeriksaan di lapangan terutamanya untuk memastikan peniaga mematuhi Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM).

Mengulas lanjut mengenai PJKM, Rosol berkata, program itu mungkin tidak akan disambung sekiranya harga barangan sudah kembali stabil.

"Kerajaan menetapkan program ini akan dilaksanakan sehingga Mac tahun hadapan dan sekiranya harga barang sudah kembali stabil antara Januari atau Februari mungkin ia tidak akan disambung lagi.

"Bagaimanapun, jika harga barang naik berterusan sehingga April iaitu ketika musim perayaan, pemantauan dari semasa ke semasa akan terus dijalankan. Kita tidak mahu rakyat terkesan dengan apa yang berlaku," katanya.

Dalam pada itu, Rosol berkata setakat ini PJKM sudah dilaksanakan di 15 kawasan Parlimen di seluruh negara dengan nilai jualan mencecah setengah juta.

"Sambutan program ini amat menggalakkan apabila lebih 28,000 pengunjung hadir dan ia akan terus diadakan secara berperingkat di kawasan lain yang membabitkan 222 Parlimen secara keseluruhannya," katanya.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid (kanan) melihat jualan barangan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) pada Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) di perkarangan Masjid Daerah Seberang Perai Tengah, Bandar Perda di sini. - Foto NSTP/Danial Saad

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid (kanan) melihat jualan barangan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) pada Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) di perkarangan Masjid Daerah Seberang Perai Tengah, Bandar Perda di sini. - Foto NSTP/Danial Saad

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|--------------------|---------|------------|
| 11/12/2021 | UTUSAN MALAYSIA | ONLINE | |

HARGA AYAM, SAYUR KEMBALI STABIL JANUARI ATAU FEBRUARI DEPAN – ROSOL WAHID

Oleh ISWAN SHAFIQ ISA

11 Disember 2021, 11:47 am



ROSOL Wahid (tengah) menunjukkan ayam yang dijual pada harga serendah RM5 seekor sempena PJKM di pekarangan Masjid Daerah SPT, Bandar Perda, Bukit Mertajam, Pulau Pinang hari ini.

BUKIT MERTAJAM: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menjangkakan harga barangan keperluan harian termasuk ayam dan sayur-sayuran akan kembali stabil dalam tempoh satu atau dua bulan lagi.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid berkata, ketika ini, trend harga terkini untuk barangan tersebut khususnya semakin menunjukkan tanda-tanda penurunan.

Katanya, antara faktor yang menjurus kepada penurunan harga itu termasuk cuaca di tempat pengeluaran sayur yang kembali pulih serta langkah yang diambil kerajaan menerusi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk mengimport bekalan ayam dari luar negara.

Pada masa sama, ujar Rosol, Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) yang dilancarkan sejak 2 Disember lalu sebagai kaedah penyelesaian jangka pendek terhadap isu kenaikan harga barangan akan tetap diteruskan sehingga Mac tahun depan walaupun harga barangan sudah kembali stabil.

“Kita merancang meneruskan pelaksanaan PJKM ini sehingga Mac tahun depan dan jika kenaikan harga barang berterusan kerana akan menyambut hari raya (awal Mei), kita akan kembali pantau keadaan ini dari semasa ke semasa.

“Apa yang penting ialah rakyat tidak terkesan (dengan kenaikan harga barangan semasa),” katanya semasa meninjau PJKM di Masjid Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Bandar Perda, di sini hari ini.

Dalam pada itu Rosol berkata, sehingga kini, PJKM telah dilaksanakan di 15 buah kawasan Parlimen di seluruh negara dengan nilai jualan sebanyak RM423,844.

Menurut beliau, jumlah kehadiran juga memberangsangkan apabila lebih 28,000 pengunjung direkodkan di kesemua lokasi PJKM sebelum ini.

“Kita akan teruskan program ini secara berperingkat-peringkat di semua 222 buah kawasan Parlimen di seluruh negara sebagai tanda keprihatinan kerajaan terhadap masalah yang dihadapi oleh rakyat ketika ini,” katanya.

Ketika ini, terdapat seramai 2,226 pegawai penguat kuasa dan kira-kira 1,000 pegawai pemantau harga KPDNHEP diberi tanggungjawab melakukan pemantauan serta pemeriksaan lapangan dalam usaha memastikan peniaga mematuhi Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) yang ditetapkan sebelum ini.

Sementara itu, seorang pengunjung PJKM, Mohd. Zuhilmi Abdul Rahim, 28, mengalu-alukan pelaksanaan program tersebut secara berterusan pada masa depan.

“Saya dapat tahu mengenai program ini menerusi Facebook dan terus ke sini untuk mendapatkan pelbagai barangan pada harga yang murah.

“Memang program ini sangat membantu meringankan beban kami yang hampir setiap hari berdepan masalah kenaikan harga barang,” katanya. -UTUSAN ONLINE

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|--------------|---------|------------|
| 11/12/2021 | HARIAN METRO | ONLINE | |

13 WARGA ASING TUKAR BENDANG JADI KEBUN DITAHAN

Yusmizal Dolah Aling dan Ekhwan Haque Fazlul Haque
am@hmetro.com.my



ANTARA pekebun warga Bangladesh yang ditahan dan disoal siasat Jabatan Imigresen Malaysia dalam operasi bersepadu di Kuala Selangor dan Sabak Bernam, kelmarin. FOTO Ihsan JIM

Kuala Lumpur: Tindakan pemilik memajak tapak sawah menyebabkan jumlah warga asing meningkat di tapak sawah sekitar jelapang padi Selangor.

Ketua Pengarah Imigresen Datuk Khairul Dzaimie Daud berkata, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) memandang serius isu ini dan akan terus membuat pemantauan berkala.

Menurutnya, pemantauan juga akan dibuat di sawah padi lain seluruh negara untuk memastikan tiada salah guna permit kerja dan warga asing yang 'kosong' bekerja.

Beliau berkata, tindakan itu menyebabkan wujud persepsi sawah padi sekitar Sekinchan dan Tanjong Karang kini dikuasai warga asing.

Katanya, susulan daripada pendedahan eksklusif Harian Metro, JIM mengadakan operasi di tiga lokasi di sekitar Kampung Seri Gambut, Jalan Parit Lima dan Jalan Tali Air di Sekinchan, kelmarin.

"Pada operasi itu, 13 warga asing dari Indonesia, Bangladesh dan Myanmar ditahan kerana tidak memiliki permit perjalanan yang sah.

"Operasi sama juga memeriksa 53 warga asing yang bekerja di sawah dan kebun sayur. Mereka yang dilepaskan memiliki permit kerja sektor pertanian," katanya ditemui di Program 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia (APM) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) semalam.

Beliau berkata, majikan yang menggaji pekerja asing juga bakal dikenakan tindakan jika didapati menggaji warga asing tanpa permit kerja sah.

Laporan eksklusif Harian Metro 24 November lalu mendedahkan, warga asing terutama dari Bangladesh dan Rohingya yang sebelum ini mengambil upah bekerja di sawah, kini bertindak sebagai tauke.

Ia selepas mereka menyewa sawah milik orang tempatan dan menukar bendang kepada kebun seluas 12 hektar di sekitar Sekinchan, Selangor.

Bukan itu saja, mereka juga dikatakan menjalani hidup mewah hasil aktiviti agronomi dan mempunyai rangkaian pasaran sayuran dan tanaman kontan yang diusahakan.

Kehadiran mereka secara tidak langsung mengganggu petani tempatan yang berdepan masalah aliran air ke sawah selain gangguan makhluk perosak di kawasan terbabit.



PENGUAT kuasa imigresen mengejar warga asing yang cuba melarikan diri dalam dalam operasi bersepadu di Kuala Selangor dan Sabak Bernam. FOTO Ihsan JIM

Halang warga asing jadi 'tauke'

Satu garis panduan akan dikeluarkan kepada petani bagi memastikan tiada warga asing yang memonopoli industri padi dan beras negara pada masa akan datang.

Ketua Pengarah Pengawalan Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) Azman Mahmood berkata, keutamaan kini ialah bagaimana untuk memastikan pesawah tempatan

mendapat manfaat daripada skim yang disediakan kerajaan sekali gus melonjak aktiviti pertanian sawah.

Katanya, garis panduan yang akan diputuskan nanti tidak akan membenarkan warga asing menjadi 'tauke' di sawah dan hanya terhad sebagai pekerja kepada warga tempatan.

"Skim Sawah Berskala Besar (Smart SBB) yang dilancarkan kerajaan adalah antara usaha bagi memastikan tiada pembabitan warga asing secara menyeluruh dalam industri padi dan beras negara.

"Ia antara lain menjadi inisiatif bagi membendung penguasaan warga asing di dalam industri itu sehingga menjejaskan peluang pesawah tempatan," katanya.

Kata beliau, pihaknya tidak akan membenarkan warga asing memonopoli industri padi dan beras di negara ini yang berkeluasan keseluruhan 700,000 hektar.

Azman berkata, ketika ini perbincangan bersama agensi berkaitan sedang berjalan dan semuanya menjurus kepada mengekang penguasaan warga asing seperti dilaporkan sebelum ini.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) yang mengadakan operasi bersepadu di sekitar Kuala Selangor dan Sabak Bernam susulan pendedahan Harian Metro.

"Saya yakin dengan usaha berterusan, kita dapat memastikan industri ini kekal menjadi hak orang tempatan dan memberi manfaat kepada pemilik seperti yang sepatutnya," katanya.

Disiarkan pada: Disember 11, 2021 @ 12:00pm

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|----------------|---------|------------|
| 11/12/2021 | MALAYSIAN POST | ONLINE | |

2 BULAN LAGI HARGA BARANG KEMBALI STABIL – ROSOL

11/12/2021 Admin



HARGA barangan keperluan harian termasuk ayam dan sayur-sayuran akan kembali stabil dalam tempoh satu atau dua bulan lagi.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid berkata pihaknya menjangkakan susulan trend harga terkini untuk barangan tersebut semakin menunjukkan tanda-tanda penurunan.

Katanya, antara faktor yang menjurus kepada penurunan harga itu termasuk cuaca di tempat pengeluaran sayur yang kembali pulih serta langkah yang diambil kerajaan menerusi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk mengimport bekalan ayam dari luar negara.

Pada masa sama, ujar Rosol, Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) yang dilancarkan sejak 2 Disember lalu sebagai kaedah penyelesaian jangka pendek terhadap isu kenaikan harga barangan akan tetap diteruskan sehingga Mac tahun depan walaupun harga barangan sudah kembali stabil.

“Kita merancang meneruskan pelaksanaan PJKM ini sehingga Mac tahun depan dan jika kenaikan harga barang berterusan kerana akan menyambut hari raya (awal Mei), kita akan kembali pantau keadaan ini dari semasa ke semasa.

“Apa yang penting ialah rakyat tidak terkesan (dengan kenaikan harga barangan semasa),” katanya seperti dilapor Utusan Online.

Beliau berkata demikian semasa meninjau PJKM di Masjid Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Bandar Perda, Pulau Pinang, hari ini.

Sementara itu Rosol berkata, PJKM telah dilaksanakan di 15 kawasan Parlimen di seluruh negara dengan nilai jualan sebanyak RM423,844 sejak dilancarkan 2 Disember lalu.

Menurutnya, jumlah kehadiran pengunjung memberangsangkan apabila lebih 28,000 pengunjung direkodkan di kesemua lokasi PJKM sebelum ini.

“Kita akan teruskan program ini secara berperingkat-peringkat di semua 222 buah kawasan Parlimen di seluruh negara sebagai tanda keprihatinan kerajaan terhadap masalah yang dihadapi oleh rakyat ketika ini,” katanya. – Malaysiapost

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|--------------|---------|------------|
| 11/12/2021 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

HARGA BARANG DIJANGKA STABIL ANTARA JANUARI, FEBRUARI

MOHD ISKANDAR OTHMAN | | 11 Disember 2021



Rosol ketika meninjau PIKM yang dianjurkan di pekarangan Masjid Daerah Seberang Perai Tengah pada Sabtu.

BUKIT MERTA JAM - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menjangkakan harga barangan termasuk sayur dan ayam kembali stabil antara Januari dan Februari tahun depan.

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid berkata, ia berikutan harga barangan khususnya sayur dan ayam kini mula menunjukkan penurunan.

"Antara faktor dan sebab penurunan harga berlaku, berikutan pelaksanaan Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) yang sedang dilaksanakan selain cuaca di tempat pengeluaran sayur sudah kembali pulih.

"Penurunan harga ayam pula disebabkan usaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) yang mengimport bekalan ayam ke negara ini," katanya kepada pemberita selepas meninjau tapak PIKM di pekarangan Masjid Daerah Seberang Perai Tengah, Bandar Perda di sini, pada Sabtu.



Rosol berkata, PKM mungkin tidak disambung sekiranya harga barangan kembali stabil.

Rosol ketika meninjau PKM yang dianjurkan di pekarangan Masjid Daerah Seberang Perai Tengah pada Sabtu.

"Kerajaan menetapkan program ini dilaksanakan sehingga Mac tahun hadapan dan sekiranya harga barang sudah kembali stabil antara Januari dan Februari mungkin ia tidak disambung lagi.

"Bagaimanapun, jika harga barang naik berterusan sehingga April iaitu ketika musim perayaan, pemantauan dari semasa ke semasa akan terus dijalankan kerana tidak mahu rakyat terkesan," katanya.

Sementara itu, Rosol berkata, setakat ini PKM sudah dilaksanakan bagi 15 kawasan Parlimen di seluruh negara dengan nilai jualan mencecah setengah juta.

"Sambutan program ini amat menggalakkan apabila lebih 28,000 pengunjung hadir dan ia akan terus diadakan secara berperingkat di kawasan lain dengan membabitkan 222 Parlimen secara keseluruhan," katanya.

| | | | |
|------------|--|-------------|----------------------|
| Headline | Negara rugi RM4 bilion setahun hasil laut dirompak | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 11 Dec 2021 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 140,000 |
| Page No | 24,25 | Readership | 420,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 1687 cm ² |
| Journalist | Oleh IZWAN ROZLIN | AdValue | RM 35,764 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 107,292 |

Nelayan asing ceroboh dan mencuri hasil laut negara

Oleh IZWAN ROZLIN

Negara rugi RM4 bilion setahun hasil laut dirompak

Kisah nelayan warga asing menceroboh dan mencuri hasil laut negara bukan perkara baharu.

Pencerobohan nelayan asing yang merompak hasil laut negara mengakibatkan negara mengalami kerugian lebih RM4 bilion setahun.

Mengulas lebih lanjut tentang isu berkenaan, Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), Ahmad Tarmidzi Ramly mendedahkan, berdasarkan rekod statistik pihaknya dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sejak tahun 2019 hingga Oktober tahun ini, sebanyak 48 kes dilaporkan dengan nilai rampasan mencecah RM21.1 juta dan lebih 800 tangkapan nelayan asing.

Beliau juga memaklumkan kes tangkapan yang dinyatakan tidak termasuk kes tangkapan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) yang melakukan tangkapan dalam jumlah lebih besar.

"Mengikut pecahan statistik setiap tahun, 2019 merekodkan 21 kes dengan nilai rampasan berjumlah RM10.3 juta, tahun 2020 pula terdapat 12 kes dengan nilai RM4.56 juta.

"Sepanjang tahun ini sehingga Oktober, ada 15 kes direkodkan dengan nilai RM6.5 juta," katanya kepada *Sinar Harian* dalam sesi temu bual eksklusif di Ibu Pejabat DOF di Putrajaya baru-baru ini.

Katanya, nelayan asing merupakan nelayan bukan warganegara Malaysia yang melakukan aktiviti penangkapan ikan di perairan negara.



Vesel nelayan asing yang dirampas kerana menceroboh perairan negara.



AHMAD TARMIDZI

"Terdapat dua kategori nelayan asing iaitu vesel penangkapan ikan asing dan pekerja warga asing di atas vesel penangkapan ikan tempatan.

"Kesalahan yang biasa dikesan adalah vesel asing menangkap ikan di perairan negara dan vesel tempatan menggunakan kru asing menangkap ikan di luar kawasan (pencerobohan zon)," katanya.

Ahmad Tarmidzi berkata, perairan negara sangat luas iaitu sehingga 200 batu nautika dari darat.

"Dengan jarak yang jauh, sudah tentu perjalanan untuk ke lokasi pencerobohan itu mengambil masa yang agak panjang.

Nelayan asing ini hanya berada sekejap di lokasi tertentu dan beredar sebelum kehadiran mereka dihidu pihak berkuasa.

"Saya boleh katakan lokasi panas pencerobohan nelayan asing adalah di perairan Laut China Selatan iaitu di sekitar perairan Terengganu, Pahang dan Sarawak. Banyak kes dilaporkan oleh nelayan tempatan di kawasan ini," katanya.

Tambahnya, untuk rekod, nelayan Vietnam paling ramai dikesan menceroboh perairan negara untuk mencuri hasil laut.

Justeru, pelaksanaan Ops Naga sejak dua tahun lalu dengan rakan strategik iaitu Maritim Malaysia, PDRM dan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) memberi kesan positif kepada usaha mambanteras pencerobohan.

Sewa bot kepada nelayan asing

Ahmad Tarmidzi berkata, undang-undang menyatakan bahawa pemilik bot warga tempatan tidak boleh menyewakan atau memajak bot kepada warga asing. "Kalau dikesan dan ada bukti, kita akan batalkan lesen dan ambil tindakan ke atas pengusaha terbabit.

"Bagaimanapun kaedah merekrut kru asing untuk bekerja di atas vesel penangkapan ikan tempatan dibenarkan bagi vesel Zon C2, vesel Zon C3 dan vesel jerut bilis Zon A di Kedah dan Perak sehingga 100 peratus manakala bagi vesel Zon C dibenarkan sehingga 80 peratus kru asing.

"Penggunaan kru asing ini perlu berdaftar dengan jabatan dan mematuhi undang-undang di bawah Pekeliling Imigresen yang mewajibkan pelaksanaan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) Jangka Pendek," katanya.

Menurut Ahmad Tarmidzi, pihaknya menggesa mana-mana individu yang mempunyai sebarang maklumat berkenaan hal sedemikian untuk tampil bagi pihaknya mengambil tindakan lanjut.

"Kita tidak benarkan mereka menyewakan atau memajak bot kepada nelayan warga asing. Ini salah," tegasnya.

Tambah Ahmad Tarmidzi, isu sebenar yang perlu diatasi adalah penggunaan kru asing di atas vesel tempatan. "Kerajaan juga telah mengumumkan Program Pemodenan Vesel dan Mekanisasi di bawah Dana Jaminan Makanan berjumlah RM150 juta melalui Bajet 2021.

"Peruntukan ini telah pun disalurkan ke Agrobank dan sedia untuk dipohon. Program ini bukan hanya akan meningkatkan daya saing nelayan tempatan malah turut menitik beratkan penyelesaian



Nelayan warga asing yang ditahan kerana mencuri hasil laut negara.



Bot nelayan warga asing diperiksa oleh anggota Jabatan Perikanan.

| | | | |
|------------|--|-------------|----------------------|
| Headline | Negara rugi RM4 bilion setahun hasil laut dirompak | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 11 Dec 2021 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 140,000 |
| Page No | 24,25 | Readership | 420,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 1687 cm ² |
| Journalist | Oleh IZWAN ROZLIN | AdValue | RM 35,764 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 107,292 |



dan keselamatan kru atau awak-awak. Tempat tidur, tandas dan peningkatan penggunaan mekanisasi diharapkan akan menarik minat rakyat tempatan mencuburi bidang perikanan tangkapan," katanya.

Katanya lagi, selain itu, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Bahagian Pembangunan Kapasiti dan Latihan Pertanian (BPKLP) juga telah melaksanakan Program Khas Pembangunan Kru Vesel Perikanan Laut Dalam.

Sekongkol

Tegas Ahmad Tarmidzi, pihaknya ada menerima aduan berkenaan warga tempatan yang bersekongkol dengan nelayan penceroboh ini.

Katanya, perkara itu sedang dikenal pasti sejauh mana kesahihan laporan dan siasatan sedang dijalankan.

"Seandainya benar nelayan kita sendiri sekongkol dengan nelayan asing, ia amat menyedihkan ibarat mengadai kedaulatan negara. Hasil laut negara adalah untuk rakyat tempatan. Keselamatan makanan negara akan terjejas.

"Kalau dapat sedikit hasil untuk diri sendiri tapi memudaratkan negara itu amat mementingkan diri dan tidak berintegriti, jadi mereka mengadai peluang untuk rakyat negara sendiri," katanya.

Ujar beliau lagi, kalau dilihat sebetulnya peluang untuk rakyat tempatan bekerja di laut atau di darat memang ada, tapi jika peluang itu dicuri oleh orang asing, ia hilang begitu sahaja dan tidak adil buat warga tempatan.

"Kita sentiasa menjalankan siasatan dan intipan untuk pastikan pihak tidak berintegriti seperti ini sekiranya dapat bukti kukuh kita akan ambil tindakan ikut undang-undang.

"Mereka ini umpama gadai negara sendiri dan kita tidak benarkan perkara ini berlaku," katanya.

Ahmad Tarmidzi berkata, pihaknya bersama agensi penguatkuasaan marin yang lain akan terus menguatkuasakan Akta Perikanan 1985.

"Disamping penguatkuasaan di laut, vesel tempatan turut dipantau menggunakan sistem VMS di mana lokasi vesel dapat dikesan menggunakan satelit termasuklah jika vesel berkenaan meninggalkan perairan negara.

"Kita tidak pandang remeh dan akan ambil tindakan susulan khususnya kepada mereka yang tidak berintegriti dalam aktiviti perikanan," katanya.

Tegas beliau, bagi warga tempatan yang sekongkol dengan warga asing pihaknya tidak teragak-agak untuk ambil tindakan tegas.



Vesel nelayan asing yang dirampas Jabatan Perikanan Malaysia.



Hasil laut yang dirampas dari nelayan warga asing.

Lebih banyak kerugian

Jelas beliau, apabila nelayan asing menceroboh dan mengambil hasil negara, ia merugikan kerana hasil itu adalah hasil kepada negara.

"Sepatutnya nelayan kita yang ambil hasil laut itu dan impak itu amat tinggi kerana kita telah rugi dari segi ketirisan.

"Bukan itu sahaja, kita juga rugi daripada peluang pekerjaan kerana tidak dapat mengambil ikan tertentu untuk memakmurkan hasil dari sektor perikanan. Jadi kita nampak masalah itu dan langkah drastik perlu diambil untuk kekang nelayan asing," katanya.

Ujarnya lagi, dengan pelaksanaan Ops Naga dan kerjasama rakan strategik, pencerobahan ini dapat dikawal.

"Tapi, kita tidak boleh leka kerana mereka ini mengambil kesempatan dan peluang untuk menceroboh apabila tiada aset kita di sana," katanya.

Tambahnya, pihaknya memohon kerajaan agar dapat menambah aset khususnya buat Maritim Malaysia atau DOF untuk bersama-sama mengawal sempadan negara daripada kemasukan nelayan asing.



Jabatan Perikanan Malaysia bertindak menahan nelayan warga asing yang terlibat menceroboh masuk perairan negara dan mencuri hasil laut.



Nelayan warga asing yang ditahan untuk siasatan lanjut kerana menceroboh perairan negara.

| STATISTIK KES DAN NILAI RAMPASAN | | | | | KESALAHAN / AKTA |
|----------------------------------|-------|-------|------|--------|--|
| AGENSI | 2019 | 2020 | 2021 | JUMLAH | |
| DOF | 7 | 7 | 7 | 21 kes | <ul style="list-style-type: none"> Seksyen 15(1) Akta Perikanan 1985 Denda tidak lebih RM6 juta seorang bagi nakhoda dan RM6,000 bagi setiap kru Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 Kompauan RM500 Akta Imigresen 1959/63 |
| PDRM | 14 | 5 | 8 | 27 kes | |
| JUMLAH | 21 | 12 | 15 | 48 kes | |
| NILAI (RM) | 10.3J | 4.56J | 6.5J | 21.1J | |

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|---------------|---------|------------|
| 11/12/2021 | UTUSAN HARIAN | ONLINE | |

PINDAH LEMBU: PEMANDU LORI DIDENDA RM2,000

OLEH KHUZAIRI ISMAIL



MOHD. Aidil Abdul Halim didenda RM2,000 di Mahkamah Majistret Municipal Seberang Perai, Butterworth, Pulau Pinang hari ini selepas mengaku bersalah memindahkan 21 ekor lembu hidup tanpa kebenaran Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Januari lalu.

BUTTERWORTH: Seorang pemandu lori didenda RM2,000 di Mahkamah Majistret Municipal Seberang Perai di sini hari ini selepas mengaku bersalah memindahkan sebanyak 21 ekor lembu hidup tanpa kebenaran Jabatan Perkhidmatan Veterinar Januari lalu.

Tertuduh, Mohd. Aidil Abdul Halim, 40, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Majistret Noor Farah Hazwani Osman.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa memindahkan 21 ekor lembu hidup dengan menggunakan sebuah lori bernombor pendaftaran DCD 9845 tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah Negeri atau mana-mana pihak berkuasa veterinar.

Mohd. Aidil didakwa melakukan kesalahan itu di Hentian Rehat dan Rawat (R&R) Sungai Bakap di Lebuh Raya Utara Selatan daerah Seberang Perai Selatan di sini kira-kira pukul 10.07 malam pada 29 Januari lalu.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di bawah Perintah 4(1)(a) Perintah Haiwan (Kawalan dan Pembasmian Contagious Abortion serta Penyakit Kuku dan Mulut) 2003 yang dibaca bersama Subseksyen 36(1)(c)(i) Akta Binatang 1953 dan boleh dihukum di bawah Subseksyen 36(7) akta yang sama yang membawa hukuman denda maksimum RM15,000.

Kes dikendalikan Pegawai Pendakwa Jabatan Veterinar negeri, Roziman Awang Tahrin manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Sementara itu, mahkamah turut memerintahkan hasil jualan ternakan sebanyak RM7,200 dilucut hak manakala tertuduh menjelaskan denda tersebut hari ini. – UTUSAN

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|--------------|---------|------------|
| 11/12/2021 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

54 TAN KERATAN AYAM SEJUK BEKU DARI THAILAND DIRAMPAS



Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia

PUTRAJAYA - Sejumlah 13,281 ekor ayam hidup dan kira-kira 54 tan keratan ayam sejuk beku yang cuba dibawa masuk dari Thailand dirampas di Kelantan sejak Januari hingga November tahun ini.

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) dalam kenyataan pada Jumaat memaklumkan pihaknya telah menahan kemasukan kira-kira 54 tan keratan ayam sejuk beku bernilai RM768,000 itu kerana gagal mematuhi syarat-syarat kemasukan yang ditetapkan.

Menurut Maqis, kesemua ayam hidup bernilai kira-kira RM100,000 pula dirampas Pasukan Gerakan Am (PGA) dan Pasukan Polis Marin ketika cuba dibawa masuk melalui pengkalan haram tebing Sungai Golok.

“Kesemua kes disiasat di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) kerana mengimport keluaran pertanian tanpa permit import yang sah daripada Maqis.

“Di bawah Seksyen 11(3) akta sama, jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali,” menurut kenyataan itu.

Menurut Maqis, pihaknya dengan kerjasama agensi penguatkuasaan di sempadan yang lain akan terus komited dan mengambil langkah serius dalam mempertingkatkan kawalan dan penguatkuasaan di sempadan khususnya di pintu masuk negara.

Ini bagi memastikan isu melibatkan kawalan penyakit, keselamatan makanan, pengiktirafan halal dan risiko kemasukan perosak berbahaya yang boleh mengancam industri pertanian serta penternakan negara ini dapat dibendung serta dikawal. - Bernama

© 2018 Hakcipta Terpelihara Kumpulan Karang kraf

| | | | |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline | Sabah is among the main exporters of fresh fish produce | | |
| MediaTitle | Daily Express (KK) | | |
| Date | 11 Dec 2021 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 25,055 |
| Page No | 3 | Readership | 75,165 |
| Language | English | ArticleSize | 154 cm ² |
| Journalist | Mohd Izham Bin Hashim | AdValue | RM 818 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 2,454 |



Sabah is among the main exporters of fresh fish produce

Mohd Izham Bin Hashim

SABAH is among the main exporters of fresh fish produce in Malaysia, contributing RM2.03 billion or about 15.7 per cent annually to the State GDP (gross domestic product). •

Deputy Chief Minister Datuk Seri Dr Jeffrey Kitingan (**pic**) said the figure is in line with the state fisheries sector which has achieved 100 per cent self-sufficiency, noting the amount of excess produce available for export peaked 25,477 metric tonnes as of October, this year.

However, he noted the State Government is outlining long-term strategies to ensure security of fish stocks, which include the sustainable management of the State's marine resources through a zoning system for fish catches according to sizes of fishing vessels.

"We will also control the quantity and quality of fish produce for domestic supplies and export through the issuance of import permits and export. As of November 2021, there are 75 exporters and importers registered with the State Fisheries Department," said Jeffrey, who is also State Minister of Agriculture and Fisheries. Jeffrey was responding to questions from Sindumin Assemblyman (Independent) Datuk Dr Yusof Yacob on government efforts to ensure food security at the State Legislative Assembly.

In addition, he also said the State Fisheries Department also increased the number of artificial reefs to protect fish habitats, reproduction and increase the population of fish stocks, with 139 artificial reefs installed at nine locations in waters across the State this year. "Programmes to conserve marine ecosystem through coral replanting activities is also being carried out at the moment, with three companies actively propagating corals," he said.



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|---------------|---------|------------|
| 11/12/2021 | UTUSAN HARIAN | ONLINE | |

MAJLIS RUMINAN NEGARA PERLU DITUBUHKAN – GTR

Oleh Laupa Junus



PETALING JAYA: Pembangunan industri ternakan ruminan tempatan yang masih agak perlahan memerlukan idea idea baharu bagi memastikan ia terus menyumbang kepada pembangunan subsektor penternakan dan pertanian secara keseluruhannya.

Justeru Generasi Transformasi Ruminan Malaysia (GTR) sebuah pertubuhan bukan kerajaan mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan semula Majlis Ruminan Negara (MRN) yang bertujuan melihat semula senario industri berkenaan secara keseluruhannya selain memberi input kepada kerajaan.

Pengerusi Koperasi Kelab GTR Nordin Mat berkata, majlis tersebut pernah diwujudkan sebelum ini tetapi tidak ada perkembangan terbaharu mengenainya setakat ini seolah-olah ia tidak lagi wujud.



NORDIN MAT

“ Kelab GTR seringkali mewakili Persatuan Penternak Ruminan Malaysia dalam beberapa jawatankuasa dan mesyuarat yang melibatkan dasar serta perkembangan industri ruminan negara dan kami sentiasa sudi bekerjasama, ” ujarnya kepada Utusan Online.

Selain itu beliau memberitahu, antara aktiviti GTR adalah penganjuran pameran dan ekspo serta menyertai Hari Peladang Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) dan Pameran Pertanian Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia ((MAHA) sejak 2014 lagi.

GTR juga katanya, menganjurkan aktiviti amal termasuk membantu penternak ruminan yang dilanda bencana alam seperti banjir.

Kini GTR telah menubuhkan Pasukan Civil Defence Emergency Team (CDERT) bersama pasukan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) serta penubuhan Tabung Bantuan Ruminan Bersama Ikhlas.com.

“Sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) melanda, Kelab GTR sentiasa mengadakan siri kembara di dalam dan luar negara bagi meluaskan pandangan penternak tempatan dan mencari peluang baharu yang berkaitan dengan aktiviti perniagaan dan projek ahli,” ujarnya.

GTR juga sentiasa menganjurkan pelbagai kursus berkaitan keusahawanan ruminan kepada ahli dan para penternak terutamanya program Gegar GTR yang berjaya melahirkan begitu ramai usahawan dalam pelbagai bidang ini.

Dalam pada itu GTR juga menubuhkan koperasi yang berfungsi sebagai cabang perniagaan.

Sebagai contoh, Koperasi GTR pada tahun ini berjaya menguruskan sejumlah 648 ekor lembu korban dan mengedarkan 68,000 kg. daging korban bagi beberapa pihak manakala GTR Meat mewujudkan 60 kedai daging dalam talian menerusi portal www.gtrburger.my yang memberi peluang kepada ahli bagi mempelajari pengurusan kedai daging tanpa memerlukan modal dan pengalaman.

Kelab GTR didaftarkan pada 19 Febuari 2014 dan mempunyai empat Cawangan di Zon Utara, Zon Pantai Timur, Zon Selatan dan Zon Sabah dan Sarawak.

Keahlian kelab kini hampir 10,000 orang terdiri daripada penternak ruminan seperti lembu, kambing, biri biri, rusa, kerbau dan lembu tenusu.

Dalam pada itu Nordin memberitahu, kelab tersebut akan mengadakan Malam Anugerah GTR 2021 pada malam esok di ibu negara yang dijangka dihadiri Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee.

Majlis tersebut diadakan sempena Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi GTR ke-2 dan Mesyuarat Agung Tahunan GTR ke-6.

Majlis pada malam itu juga diadakan bertujuan memberi penghargaan kepada ahli kelab yang menunjukkan pencapaian memberangsangkan berdasarkan beberapa kategori.

Antara anugerah tersebut ialah Anugerah Gerai GTR, Burger Terbaik, Kedai GTR Daging Terbaik dan Aktivis GTR Terbaik.

Anugerah lain termasuk Penternak Muda GTR bagi kategori Ternakan Lembu, Ternakan Tenusu Ternakan Kambing, Ternakan Rusa, Pembaka Kambing, Pembaka Lembu, Ladang Napier , Produk Hiliran, Daging Korban Terbaik dan Produk Hiliran Terbaik

Kategori lain termasuk Produk Hiliran Susu Terbaik, Foto Terbaik, Anugerah Khas Penternak Ruminan Cemrlang dan Anugerah Khas Jihad Penternak dan Anugerah Kepimpinan GTR 2021.-
UTUSAN ONLINE